



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; anda juga harus membacanya.

1 Apa itu Wealth+?

Wealth+ ialah plan endowment tanpa penyertaan yang menawarkan gabungan insurans perlindungan dan simpanan. Plan ini menyediakan perlindungan kematian dan Manfaat Matang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi RM350,000.00* secara tahunan, anda akan menerima perlindungan seperti yang berikut:

*Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh pembayaran premium selama 2 tahun, tempoh polisi selama 10 tahun dan Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000.

Kematian	Tahun Pertama Polisi: RM350,000.00, dengan andaian premium bagi tahun polisi pertama telah dibayar sepenuhnya. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.
Manfaat Matang	RM1,020,000
Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan.

Insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri, semasa dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh 13 bulan dari tarikh kuatkuasa insurans;
- Kematian akibat mencederakan diri sendiri semasa dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh 13 bulan dari tarikh kuatkuasa insurans; dan
- Kematian akibat pertarungan, melakukan, cubaan melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:

Hubungi
03-7652 3388Layari
[Wealth+](#)Emel
customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans hayat anda, anda harus membayar premium sebanyak:

Premium Asas	<jumlah premium> secara tahunan bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak <jumlah>
Tempoh Polisi: <tempoh> tahun	Tempoh Pembayaran Premium: <tempoh> tahun

Anda juga harus membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	<peratusan> daripada jumlah Premium Asas dibayar atau <jumlah komisen>.
	Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.

4

Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Premium adalah dijamin.
- Tempoh tangguh 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium tahunan adalah terpakai. Pelan insurans hayat anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh, melainkan Polisi anda telah memperolehi nilai serahan terjamin.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tanpa faedah.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh menyerahkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Selepas menerima permintaan penyerahan, MCIS Insurance Berhad akan membayar nilai serahan terjamin (jika ada) ditolak sebarang keterhutangan.